

04/10/2001

Rakan Muda Sains mampu tarik remaja sertai kegiatan inovasi

Mohd Zin Ali

PUTRAJAYA, Rabu - Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, hari ini mencadangkan penubuhan program Rakan Muda Sains bagi menarik minat generasi muda negara ini kepada kegiatan inovasi.

Menterinya, Datuk Seri Law Hieng Ding, berkata usaha itu sebahagian langkah mengatasi masalah kekurangan kakitangan berkemahiran dalam kegiatan berkenaan yang didapati mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau berkata, kajian Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (Mastic) pada Julai tahun lalu mulai 1997 hingga 1999 yang dibentangkan kepada Kabinet hari ini mendapati, empat halangan utama kepada syarikat pembuatan tempatan menjalankan kegiatan inovasi ialah kos inovasi yang tinggi, krisis ekonomi, risiko tinggi dan kekurangan kakitangan berkemahiran.

Sehubungan itu, katanya, kementerian mencadangkan kepada Kabinet supaya memberi bantuan kewangan kepada pelajar sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi (IPT) yang berminat membabitkan diri dalam kegiatan inovasi.

"Kami mencadangkan penubuhan Rakan Muda Sains yang akan membentuk satu pasukan kecil yang boleh bekerjasama dalam menjalankan kegiatan inovasi, penyelidikan dan sebagainya.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut mencadangkan pertandingan inovasi di kalangan sekolah dan individu yang menawarkan hadiah lumayan kepada pemenang untuk menggalakkan usaha berkenaan," katanya selepas merasmikan Majlis Pelancaran Minggu Angkasa Sedunia di kementerian di sini, hari ini.

Hadir sama, Timbalannya, Datuk Zainal Dahalan; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Leong Ah Hin; dan Pemangku Ketua Pengarah Bahagian Kajian Sains Angkasa (Baksa), Ir Jaafar Ahmad.

Selain itu, Law berkata, kementerian mencadangkan Mastic mengatur pertemuan antara Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Pendidikan bagi mengatasi masalah kekurangan kakitangan berkemahiran dalam kegiatan inovasi.

"Kerajaan juga mungkin boleh memikirkan usaha untuk memberi bantuan bagi mengatasi risiko dan kos inovasi yang tinggi perlu ditanggung syarikat pembuatan yang berminat berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata, kegiatan inovasi dalam sektor pembuatan tempatan adalah rendah iaitu sekitar 21 peratus berbanding 51 peratus di Eropah.

"Bagaimanapun, jarak perbezaan tahap inovasi Malaysia berbanding negara lain adalah kecil seperti Poland (38 peratus), Australia dan Portugal (26 peratus) serta Sepanyol (29 peratus)," katanya.

Sementara itu, Law berkata, Minggu Angkasa Sedunia anjuran Baksa akan diadakan di Planetarium Negara mulai esok dan berakhir 10 Oktober ini.

Beliau berkata, objektif sambutan itu ialah meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat berkaitan sains angkasa serta memupuk minat generasi muda dalam bidang berkenaan.

"Bidang sains angkasa adalah semakin penting ketika ini terutama dalam bidang telekomunikasi, kaji cuaca, pencerapan bumi dan alam semesta dan sistem penentududukan global," katanya.

(END)